

SIARAN MEDIA

PERMAINAN TRADISI SEMARAKKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

SHAH ALAM, 16 OGOS 2023 – Bagi menyemarakkan kemeriahan sambutan Hari Kebangsaan tahun ini, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) mengambil inisiatif menganjurkan permainan sukan tradisi dengan menghimpunkan kira-kira 400 orang pegawai dan kakitangan.

Antara permainan yang dipertandingkan termasuklah bowling kelapa, congkak, batu seremban, tudung oren, dam ular serta dam haji. Turut diadakan pertandingan busana merdeka dan lagu patriotik serta senamrobik merdeka.

Menurut pengarah PSA Dr. Norhayati Zakaria program tersebut bertujuan merapatkan ukhuwah antara warga PSA yang terdiri daripada berbilang kaum di samping mencungkil bakat, menghargai warisan tradisional seperti permainan di zaman kanak-kanak serta memupuk gaya hidup sihat.

“Program Semarak Merdeka ini merupakan sebahagian daripada sambutan Bulan Kebangsaan peringkat PSA seperti yang telah dilancarkan pada 31 Julai lalu,”

“Alhamdulillah kita melihat sambutan sangat menggalakkan daripada warga PSA dan kita merancang untuk meneruskan program seumpama ini pada tahun-tahun yang akan datang.”

Sempena sambutan Bulan Kebangsaan kali ini, PSA telah merangka pelbagai aktiviti buat para pensyarah serta pelajarannya. Antaranya Pertandingan Selfie Merdeka, Video Merdeka, Larian Merdeka dan Pertandingan Menghias Bangunan.

-TAMAT-

**Unit Komunikasi Korporat
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Kementerian Pendidikan Tinggi**

Untuk maklumat lanjut berhubung siaran media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat di talian 03- 5163 4000 samb. 1104 atau 012-9182497. Terima kasih.